

LAPORKAN SALAH LAKU (RASUAH PENYELEWENGAN SALAH GUNA KUASA TATA TERITIB & LAIN-LAIN)

**MAKLUMAT DIRI
ANDA DILINDUNGI**

1. POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JABATAN PERTANIAN



- Polisi ini merupakan satu kaedah di mana pendedahan dilaksanakan oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga DOA.
- Polisi ini dirangka selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] bagi membolehkan seseorang untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar seawal mungkin tanpa rasa gentar.
- Buku polisi ini boleh didapati di laman web : http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/umber_awam/penerbitan/buku/polisi_perlindungan_pemberi_maklumat_doa.pdf

2. OBJEKTIF POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JABATAN PERTANIAN



- Menggalakkan mana-mana orang tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga DOA.
- Memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa terdapat perlindungan sekiranya membuat laporan atau memberi maklumat.
- Supaya tindakan yang sewajarnya dapat di ambil hasil pendedahan Kelakuan Tidak Wajar oleh mana-mana warga DOA.

3. PERKARA YANG BOLEH DIDEDEHKAN

Suatu pendedahan boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku berikut :

- Rasuah/penipuan;
- Kesalahan jenayah;
- Salah guna wang atau harta DOA;
- Kesalahan tatatertib;
- Kesilapan pengurusan wang yang melampaui dalam DOA;
- Ketirisan hasil Kerajaan dan/atau penyelewengan peruntukan Kerajaan dalam DOA;
- Suatu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga DOA atau orang awam;
- Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa; atau
- Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesalahan/mana-mana kesalahan di atas.

4. PROSEDUR MENYALURKAN PENDEDAHAN

Saluran aduan integriti:

- Bersemuka/ hadir sendiri ke pejabat Unit Integriti;
- Email : aduanintegriti@doa.gov.my
- Telefon : 03-88703166
- Sistem aduan integriti (online) : e-integriti di laman web <http://www.portal.doa.gov.my/eintegriti/>
- Surat : Unit Integriti,
Jabatan Pertanian,
Wisma Tani, Aras 14, Lot 4G2,
No. 30, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 PUTRAJAYA

Satu pendedahan mesti mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti berikut:

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan
- Email
- Alamat lengkap
- Alasan munasabah untuk laporan termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan seperti tarikh, lokasi, jenis kesalahan, identiti pesalah dan lain-lain maklumat berkaitan.



03-88703167



@integritidoa



integriti@doa.gov.my



www.doa.gov.my